

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI IDRIS BIN JUSOH
[BESUT]**

TARIKH : 1 NOVEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan langkah yang diambil Kementerian dalam membantu usahawan perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), khasnya di kalangan generasi muda di luar bandar bagi memastikan peluang pendapatan mereka dapat ditingkatkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) bersama agensi sentiasa komited dalam membantu golongan usahawan daripada pelbagai lapisan masyarakat. Pelbagai program latihan dan bimbingan serta kemudahan pembiayaan disediakan untuk usahawan-usahawan PMKS termasuk usahawan generasi muda di luar bandar.

2. Untuk makluman Yang Berhormat, di antara program-program yang dilaksanakan melalui agensi-agensi dibawah Kementerian adalah seperti berikut:

- (i) **Program Online Onboarding Coaching Programme (e-Board)** oleh INSKEN bertujuan untuk memperkukuhkan kemampuan dan kapasiti usahawan mikro, kecil dan sederhana tempatan dalam penggunaan platform *online* melalui latihan dan bimbingan teknikal secara intensif.
- (ii) **Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE)** oleh SME Corp. Malaysia bertujuan untuk menggalakkan **golongan belia** menceburi bidang perniagaan melalui latihan keusahawanan berkaitan dengan asas perniagaan dan membentuk daya tahan serta jati diri di kalangan belia dalam mengendalikan perniagaan sendiri.
- (iii) **Program Pembangunan Usahawan Mikro (BizME) Micro Connector** juga oleh SME Corp. Malaysia disediakan untuk **usahawan luar bandar**, perusahaan mikro dan juga komuniti B40 dengan latihan asas dan bantuan teknikal serta sokongan yang merangkumi bantuan awal pembiayaan bagi menubuhkan dan mengembangkan perniagaan.

- (iv) **Projek Jadi Usahawan Berjaya [(Be Your Own Boss (BYOB))]**, di mana salah satu programnya iaitu **Program Pembiayaan Keusahawanan Francais Belia [(Young Entrepreneurship Engagement Talent (YOUNITY))]** oleh Pernas bertujuan untuk melahirkan usahawan francais melalui panduan dan latihan yang berstruktur dan komprehensif, padanan perniagaan, pembiayaan serta akses kepada pasaran semasa, dan dipantau selama enam bulan selepas perniagaan bermula.
- (v) **Skim Pembiayaan Sektor Informal (SPIN) 2.0** oleh TEKUN Nasional adalah skim pembiayaan yang mensasarkan kepada **usahawan mikro** yang tidak berlesen. Nilai pembiayaan diberikan sehingga RM10,000 ini tidak dikenakan kadar keuntungan (0% interest).

3. Sebagai usaha untuk meningkatkan penglibatan golongan muda dalam perniagaan khususnya melalui gerakan koperasi, syarat penubuhan koperasi juga telah dipermudahkan dengan mengurangkan jumlah anggota daripada 50 orang kepada 20 orang dan juga membenarkan penubuhan koperasi dengan hanya 5 orang anggota sahaja khusus bagi kumpulan profesional seperti doktor, arkitek dan akauntan. Ini adalah selaras dengan Pelan Transformasi Koperasi Malaysia (TransKoM 2021 - 2025) yang dilancarkan pada Mac 2021.

Sekian, terima kasih.